

**PENGAPLIKASIAN PERISIAN ASSETBase DALAM PENGAJARAN  
MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN DI DAERAH JOHOR BAHRU  
DAN PASIR GUDANG, JOHOR**

**SAHIBUL BAHRIN BIN AHMAD**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS \***

**JUDUL:** PENGAPLIKASIAN PERISIAN ASSETBase DALAM PENGAJARAN  
MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN DI DAERAH JOHOR  
BAHRU DAN PASIR GUDANG, JOHOR  
**SESI PENGAJIAN :** 2006/2009

**Saya** \_\_\_\_\_ **SAHIBUL BAHRIN BIN AHMAD**  
( HURUF BESAR )

Mengaku membenarkan tesis ( PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan ( / )

**SULIT** (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

**TERHAD** ( Mengandungi maklumat TERHAD yang telah Ditentukan oleh organisasi / badan di mana Penyelidikan dijalankan

**TIDAK TERHAD**

Disahkan oleh

\_\_\_\_\_  
( TANDATANGAN PENULIS )

Alamat Tetap:

**No 2894 JALAN CEMPAKA 36/21,**  
**TAMAN INDAH PURA,**  
**81000 KULAIJAYA**

**Tarikh: 7 November 2008**

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENYELIA)

**DR YUSOF BIN BOON**

Nama Penyelia

**Tarikh: 7 November 2008**

CATATAN : \* Potong yang tidak berkenaan

\*\* Jika tesis ini **SULIT** atau **TERHAD** , sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**

# Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

” Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan )”

Tandatangan : .....

Nama Penyelia : DR YUSOF BIN BOON

Tarikh : 7 NOVEMBER 2008

**PENGAPLIKASIAN PERISIAN ASSETBase DALAM PENGAJARAN  
MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN DI DAERAH JOHOR BAHRU  
DAN PASIR GUDANG, JOHOR**

**SAHIBUL BAHRIN BIN AHMAD**

**Laporan ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan ( Pengurusan Pendidikan )**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**2008**

## **PENGAKUAN**

” Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya ”

Tandatangan : .....

Nama Penulis : SAHIBUL BAHRIN BIN AHMAD

Tarikh : 7 NOVEMBER 2008

## **DEDIKASI BUAT INSAN TERSAYANG**

*Buat ayahanda dan bonda yang dikasihi,  
**Ahmad bin Abas dan Joyah bte Ngadiman**  
Dengan berkat doa mu,  
anakanda berjaya juga akhirnya*

*Buat Insan yang sentiasa bersama di saat susah dan senang,  
**Sanisah binti Hj. Jahaya,***

*Ku sering berdoa agar hubungan kita berkekalan  
sehingga akhirnya.*

*Anak-anak ku yang tersayang,  
**Muhamad Aizuddin dan Rabiatul Adawiyah,**  
dengan harapan kejayaan ayahanda  
akan menjadi pendorong kepada  
kejayaan anakanda berdua.*

*Hasil coretan ... Sahibul Bahrin bin Ahmad*

## *PENGHARGAAN*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang maha pemurah lagi penyayang. Selawat dan salam buat junjungan mulia nabi Muhammad s.a.w, dan para sahabat.. Bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya diberikan kekuatan dan keizinan untuk saya melaksanakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada isteri tercinta dan keluarga tersayang yang amat memahami dan sentiasa memberi sokongan yang kuat sehingga saya berjaya menghasilkan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia projek Dr Yusof bin Boon di atas segala bimbingan, panduan dan cadangan-cadangan yang bernas, bersedia meluangkan masa dan mempunyai tahap kesabaran yang tinggi sepanjang tempoh saya menyiapkan Projek Sarjana Muda ini.

Penghargaan juga diberikan kepada semua pensyarah di Fakulti Pendidikan yang banyak memberikan nasihat, sokongan moral, tunjuk ajar dan membantu saya dalam melaksanakan kajian ini. Terima kasih juga kepada pihak sekolah dan guru-guru Prinsip Perakaunan daerah Johor Bahru dan Pasir Gudang yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam kajian ini. Tanpa kerjasama daripada mereka, kajian ini tidak akan berjalan lancar.

Kepada sahabat seperjuangan ucapan terima kasih kerana sentiasa bersama susah senang, saling memberi galakan dan sedia membantu sekiranya saya menghadapi sebarang masalah dalam menyiapkan kajian ini. Akhirnya jasa dan budi baik tuan semua akan saya kenang sepanjang hayat. Semoga Allah S.W.T akan membalasnya dengan kebaikan juga.

## ABSTRAK

Pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia telah membekalkan Perisian Perakaunan ASSETBase mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi membolehkan guru-guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan mengaplikasikan perisian tersebut. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, masalah dan kesanggupan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian Perakaunan ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran. Sampel kajian terdiri daripada 40 orang guru mata Pelajaran Prinsip Perakaunan di Daerah Johor Bahru dan Pasir Gudang. Data kajian deskriptif ini dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden, Data dianalisis dengan menggunakan *perisian Statistical Package For Social Siences For Windows (SPSS) Version 15.0* untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian mendapati pengetahuan dan kesanggupan responden untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase pada tahap yang tinggi, manakala aspek masalah pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dengan guru perempuan dari segi tahap pengetahuan, permasalahan dan tahap kesanggupan. Oleh yang demikian, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan lagi kesedaran guru dalam mengaplikasikan Perisian Perakaunan ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran.



## **ABSTRACT**

The government through the Ministry of Education has provided ASSETBase Accounting Software for Principle of Accounts subject to enable teachers to carry out teaching and learning process with the application of this software. Thus, the purpose of this study that has been conducted is to identify the level of knowledge, problems faced and willingness among Principle of Accounts teachers to implement ASSETBase Accounting Software in their teaching and learning process. 40 respondents of Principle of Accounts teachers from Johor Bahru and Pasir Gudang have been sampled to answer the questionnaires. Descriptive data study has been collected and analyzed by using Statistical Package For Social Sciences For Windows (SPSS) version 15.0, to find the frequency, percentage and mean. The findings of this study showed that there is no significant difference between male and female teachers in terms of their level of knowledge, problems faced and their willingness. Therefore, some suggestions have been forwarded to increase the awareness of teachers in the application of ASSETBase Accounting Software in the teaching and learning process.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGAKUAN PENYELIA</b>	ii
	<b>JUDUL</b>	iii
	<b>PENGAKUAN PENYELIDIK</b>	iv
	<b>DEDIKASI</b>	v
	<b>PENGHARGAAN</b>	vi
	<b>ABSTRAK</b>	vii
	<b>ABSTRACT</b>	viii
	<b>KANDUNGAN</b>	ix
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Kepentingan Kajian	10
	1.7 Batasan Kajian	11

1.8	Definisi Istilah	12
1.9	Penutup	14
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.2	Kajian Terdahulu	17
2.3	Penggunaan Komputer Dalam Pendidikan	19
2.4	Komputer Dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan dalam Mengaplikasikan Perisian ASSETBase	29
2.5	Model Reka Bentuk Pengajaran	31
2.6	Kesimpulan	36
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>38</b>
3.1	Pendahuluan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Tempat Kajian	39
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	39
3.5	Instrumen Kajian	42
3.6	Kajian Rintis	45
3.7	Analisis Data	45
3.8	Kesimpulan	47

<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>48</b>
4.1	Pendahuluan	48
4.2	Bahagian A	49
4.2.1	Latar Belakang Mengikut Jantina	49
4.2.2	Latar Belakang Mengikut Umur	50
4.2.3	Latar Belakang Mengikut Pengalaman Mengajar Prinsip Perakaunan	51
4.2.4	Latar Belakang Mengikut Kelayakan Ikhtisas	51
4.2.5	Latar Belakang Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	52
4.2.6	Latar Belakang Mengikut Waktu Mengajar	53
4.3	Bahagian B	53
4.3.1	Tahap Pengetahuan Responden Mengaplikasikan Perisian ASSET Base Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	54
4.3.2	Masalah Yang Dihadapi Oleh Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSET Base Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	57

4.3.3	Kesanggupan Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	60
4.4	Mengenal Pasti Sama ada Terdapat Perbezaan Tahap Pengetahuan, Masalah dan Kesanggupan Guru-guru Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Jantina	63
4.5	Kesimpulan	65
	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	66
5.1	Pendahuluan	66
5.2	Rumusan	66
5.3	Perbincangan	67
5.3.1	Kesedian Responden Dari Aspek Pengetahuan Terhadap Mengaplikasi Perisian Pendidikan Perakaunan ASSETBase Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	67
5.3.2	Aspek Masalah Yang Dihadapi oleh Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam	69

5.3.3	Aspek Kesanggupan Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	72
5.4	Cadangan	76
5.4.1	Guru-guru Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	76
5.4.2	Pihak Sekolah	77
5.4.3	Guru Pakar Mata Pelajaran	78
5.4.4	Jurulatih Mata Pelajaran	78
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	79
5.6	Kesimpulan	79
	<b>RUJUKAN</b>	81
	<b>LAMPIRAN</b>	84

**SENARAI JADUAL**

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Senarai Nama Sekolah Dengan Bilangan Sampel Kajian	41
3.2	Skala Jawapan Responden	44
3.3	Persoalan Kajian dan Nombor Item	44
3.4	Perubahan Lima Skala Likert Kepada Dua Peringkat	46
3.5	Klasifikasi Analisis Min	46
4.1	Taburan Guru Prinsip Perakaunan Mengikut Jantina	50
4.2	Taburan Responden mengikut Umur	50
4.3	Taburan Guru Prinsip Perakaunan Mengikut Pengalaman mengajar	51
4.4	Taburan Guru Prinsip Perakaunan Mengikut Kelayakan Ikhtisas	52
4.5	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	52
4.6	Taburan Responden Mengikut Waktu Pengajaran Seminggu	53
4.7	Kesediaan Dari Aspek Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Mengaplikasikan Perisian Pendidikan ASSETBase Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	54

4.8	Masalah Yang Dihadapi Oleh Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	57
4.9	Aspek Kesanggupan Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	60
4.10	Perbezaan Tahap Pengetahuan Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran Mengikut Jantina	63
4.11	Perbezaan Tahap Masalah Yang Dihadapi Oleh Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran Mengikut Jantina	64
4.12	Perbezaan Tahap Kesanggupan Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran Mengikut Jantina	64



**SENARAI SINGKATAN**

<b>MSC</b>	Koridor Raya Multimedia
<b>JPNJ</b>	Jabatan Pelajaran Negeri Johor
<b>KPM</b>	Kementerian Pelajaran Malaysia
<b>BBM</b>	Bahan Bantu Mengajar
<b>ICT</b>	Information Communication Technology
<b>IT</b>	Information Technology
<b>KHB</b>	Kemahiran Hidup Bersepadu
<b>PBK</b>	Pembelajaran Berbantuan Komputer
<b>CD</b>	Compact Disk
<b>VCD</b>	Video Compact Disk
<b>OHP</b>	Projektor Overhead
<b>CPU</b>	Unit Pemprosesan Komputer
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>UTM</b>	Universiti Teknologi Malaysia
<b>SMK</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan
<b>CBL</b>	Computer Base Learning
<b>%</b>	Peratus

**SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Tujuh Teknik Pengajaran Berbantuan Komputer	21
2.2	Model Reka B entuk Pengajaran ADDIE	32

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	84
B	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia	88
C	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Johor	89
D	Senarai Laporan Data SPSS Versi 15.0	90

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan di Malaysia pada masa kini sedang berada dalam era yang dipenuhi dengan pelbagai teknologi, cabaran yang paling hebat terhadap pendidikan pada masa kini adalah pengaruh televisyen dan komputer. Bidang elektronik tersebut sedang mengubah secara menyeluruh dan radikal kaedah pengajaran dan pembelajaran guru terhadap para pelajarnya. Bagi menetapkan dan memastikan kewujudan pendidikan yang bermutu penekanan terhadap penerapan teknologi pendidikan dan penggunaan pusat sumber secara optima dan berkesan amat diperlukan.

Penerapan dan pendekatan teknologi pendidikan terhadap penggunaan pusat sumber adalah terangkum di dalam konsep pendidikan sepanjang hayat dan keperluan pengajaran dan pembelajaran berpusat kepada murid yang berorientasikan aktiviti-aktiviti secara individu dan kumpulan. Segala bahan yang digunakan dan kejadian yang dialami oleh individu secara langsung atau tidak akan menambahkan pengetahuan mereka daripada apa yang dilihat, dibaca, didengar dan dirasai melalui

apa-apa deria. Dalam aspek teknologi pendidikan itu sendiri dititik beratkan pengajaran yang berasaskan sumber.

Ini bermaksud segala usaha guru yang melibatkan penggunaan sumber pengajaran dan pembelajaran bagi melengkapkan pendekatan dan strategi untuk mempengaruhi murid-murid supaya belajar. Di sini, sumber secara meluas meliputi bahan-bahan pendidikan atau pembelajaran dalam bentuk bahan bercetak atau tidak bercetak. Bahan-bahan yang dimaksudkan boleh mendatangkan pengetahuan atau pun yang menimbulkan minat serta mendorong murid untuk belajar melalui buku, dokumen, suratkhobar, kit aneka media, komputer dan lain-lain perkakasan dan perisian yang boleh diperoleh dalam kehidupan seharian.

Dalam era globalisasi dan teknologi maklumat ini, pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan gabungan teknologi komputer, media interaktif dan internet dapat bertindak sebagai pemangkin kepada dinamika pendidikan di sekolah khususnya dalam konteks pembestarian dan kesejagatan pendidikan. Ledakan teknologi maklumat dan penggunaan jaringan informasi yang dikenali “ *World Wide Web* “ (WWW) menjadikan dunia pendidikan semakin mencabar. Gelombang popularisi Internet merupakan perkembangan paling penting dalam industri komputer semenjak komputer peribadi (PC) IBM dilancarkan pada tahun 1981.

Sebagai agen perubahan, pendidik harus bersedia untuk mengadaptasikan pengajaran mereka kepada perkembangan dunia pendidikan masa kini, agar tidak ketinggalan oleh arus pembangunan. Penggunaan komputer dan internet sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang mengintergrasikan unsur multimedia dan hipermedia ini dilihat sebagai satu inovasi ke arah pemanfaatan kekayaan sumber maklumat yang sedia wujud dengan meluas.

Penggunaan komputer dan internet yang dapat memperkaya proses pengajaran dan pembelajaran dilihat sebagai satu inovasi yang bersesuaian dengan fitrah semulajadi manusia yang suka akan pendekatan yang mudah lagi menarik serta berkesan untuk mempelajari sesuatu. Heinich (1996) menyatakan bahawa penggunaan

komputer dalam pendidikan dapat memperkaya teknik penyampaian pelajaran, menarik minat dan memberi keseronokan untuk pelajar meneruskan pembelajaran.

Mohd Najib (2007), menyatakan penyemakan semula kurikulum yang tidak memanfaatkan ICT amat perlu dilakukan kerana corak pendidikan masa kini sudah tidak ada lagi berbentuk hafalan tetapi ia lebih kepada Pemikiran Analitikal. ICT juga adalah merupakan satu pemangkin dalam kita meneroka ide-ide baru, penggunaan ICT juga ia dapat memupuk pembelajaran berterusan, ekspresi diri serta mewujudkan jaringan dan pertalian. Melalui penerapan ICT juga ianya diharap dapat memupuk penggunaan minda untuk mencari penyelesaian kepada masalah dan cabaran semasa dan dapat memaksimumkan kreativiti dan kapasiti inovasi. Adalah menjadi hasrat murni kerajaan penggunaan ICT adalah merupakan sebahagian budaya kehidupan harian dan kerja rakyat Malaysia.

Pelbagai dasar telah digubal dan diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran bagi memajukan bidang pendidikan di Malaysia. Sejar dengan perkembangan teknologi maklumat kaedah pengajaran dan pembelajaran juga turut mengalami perubahan. Guru-guru digesa untuk melengkapkan diri dengan pelbagai teknologi atau kemahiran yang berteraskan teknologi maklumat bagi menghadapi dunia perguruan yang semakin mencabar. Di sinilah titik tolak bermulanya era penggunaan komputer di sekolah-sekolah yang mana komputer telah dijadikan sebagai alat bahan bantu pengajaran

Sejarah penggunaan komputer bermula pada tahun 1980-an, sewaktu itu komputer diguna sebagai alat memudahkan pengajaran dan pembelajaran guru. Mohd Izham (2000). Menurut Yusup (1998) pihak kementerian Pelajaran mula memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK) dalam kurikulum pada tahun 1995. Juriah (2001) dalam abad 21 PPBK akan lebih menggunakan platform internet yang boleh dicapai melalui web server komputer dan sistem pembelajaran bahasa berasaskan internet atau web akan menjadi satu sistem yang amat penting dan bukan sahaja menggunakan perisian kursus untuk

pembelajaran sendiri, malahan akan diperluaskan dengan penggunaan alat internet seperti laman web, mel elektronik, persidangan komputer, elearning dan video.

Walaupun Malaysia telah mengalami perkembangan yang pesat dalam teknologi perkakasannya tetapi penghasilan bahan-bahan pengajaran yang digunakan dalam bentuk perisian komputer masih ditahap yang rendah. Guru-guru yang terlibat dalam pengajaran mata pelajaran yang tertentu seharusnya mengambil peluang ini untuk menghasilkan perisian komputer yang bersifat ke Malaysiaan dan direka khas untuk memenuhi keperluan para pelajar mereka mengikut kesesuaian tahap, kebolehan, pengetahuan dan jangka masa tertentu.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Bahagian ini dimulakan dengan meninjau beberapa permasalahan yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Seterusnya tinjauan dilakukan untuk mengetahui bagaimana keberkesanan pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan boleh ditingkatkan melalui pembelajaran berbantuan komputer dengan menggunakan Perisian ASSETBase.

Pendidikan di Malaysia adalah satu proses pembelajaran yang berterusan untuk membina insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dalam pada itu adalah menjadi hasrat negara untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan untuk mengisi keperluan tenaga manusia. Ini sejajar dengan usaha negara untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi menerusi permodenan dan pelbagaian. Kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan amat diperlukan untuk meningkatkan produktiviti negara dan meletakkan negara diperingkat yang lebih kompetatif bagi menghadapi persaingan di alaf globalisasi. Justeru itu di sektor perkhidmatan perlu disediakan tenaga kerja yang

mahir dalam pentadbiran dan pengurusan sumber-sumber khususnya di bidang kewangan.

Beberapa orang penyelidik seperti Saunders ( 1992) dan Wilkinson (1999) telah mencadangkan supaya pendidikan secara tradisional haruslah berubah daripada pendidikan yang terlalu menekankan kepada penguasaan kandungan kurikulum dan terlalu bergantung kepada penggunaan buku teks, kepada pendidikan yang berorientasikan pendekatan konstruktivisme yang lebih fleksibel. Ini bermakna proses pengajaran dan pembelajaran haruslah melibatkan lebih banyak aktiviti berpusatkan pelajar. Untuk mencapai tujuan tersebut Wilkinson (1999), telah menyarankan supaya pengajaran masa kini haruslah lebih menekankan kepada penggunaan teknologi yang relevan dengan kehidupan seharian, lebih berorientasikan pengalaman dan aktiviti, lebih memfokus kepada situasi yang relevan dengan diri pelajar dan lebih memfokus kepada bidang afektif dan sosial.

Mata pelajaran Prinsip Perakaunan dibina bagi membolehkan murid-murid mendapat kemahiran merekod mengklasifikasi, mentaksir, menganalisis dan mengungkap data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan berdasarkan prosedur debit dan kredit. Dalam Prinsip Perakaunan murid-murid didedahkan tentang konsep dan prinsip asas perakaunan, perancangan kewangan dan pengurusan pengekosan. Disamping konsep, prinsip dan kaedah perakaunan, murid-murid juga didedahkan kepada penggunaan komputer dalam sistem perakaunan berkomputer selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa.

Prinsip Perakaunan bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan melalui proses pembelajaran yang menitikberatkan pemahaman rasional sesuatu perkara yang dilakukan. Justeru itu, individu berkenaan dapat berfikir secara logik dan berupaya mengamal budaya kerja yang positif berasaskan sifat teliti, teratur, tekun, menepati masa, mematuhi peraturan serta dapat bekerjasama dan berkomunikasi dengan baik dalam usaha yang dijalankan.



seterusnya individu tersebut boleh membuat keputusan, peka terhadap kesannya, bertanggungjawab dan kebertanggungjawapan.

Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan dapat memberi peluang kepada murid-murid untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran praktis dalam teknik dan prosedur perakaunan asas yang digunakan dalam perniagaan. Mata pelajaran ini dibentuk untuk memenuhi keperluan tiga golongan murid yang mempunyai keinginan seperti bekerja dalam sesuatu bidang yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan setelah tamat persekolahan, memiliki dan menguruskan sesebuah perniagaan dan melanjutkan pendidikan mereka dalam sesuatu bidang pengajian yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran asas yang kukuh dalam bidang perakaunan.

Kurikulum Prinsip Perakaunan dibentuk berdasarkan aspek teori dan amalan perakaunan yang telah disepadukan dengan lima belas topik pembelajaran. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bermula dari pemahaman konsep atau prinsip dan diperkukuhkan dengan kemahiran mengklasifikasi, merekod, menganalisis, mentafsir dan mengungkap kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan. Penyampaian kurikulum mata pelajaran Prinsip Perakaunan ini adalah berdasarkan kepada amalan perakaunan yang mana proses kerjanya dijalankan dari satu peringkat ke suatu peringkat yang lain. Proses ini dinamakan Kitaran Perakaunan.

Selaras dengan perkembangan dalam bidang teknologi maklumat, komputer memainkan peranan dalam pengendalian tugas perakaunan. Murid-murid akan didedahkan dengan penggunaan komputer dalam sistem perakaunan berkomputer. Oleh yang demikian aspek komputer dimasukkan ke dalam sukatan supaya murid-murid sedar bahawa perkembangan teknologi moden adalah membantu dan memberi manfaat kepada bidang kerja perakaunan. Dimana yang boleh aktiviti pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer haruslah dijalankan untuk mencapai hasil pembelajaran yang terkandung dalam kurikulum Prinsip Perakaunan. Pembelajaran berbantuan komputer menggunakan Perisian ASSETBase dan simulasi mempunyai

potensi yang besar dalam pendidikan mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Walaubagaimanapun penggunaannya adalah terbatas kepada satu komputer sahaja dan kurang fleksibel dari segi masa dan pedagogi jika dibandingkan dengan pendidikan berasaskan web yang lebih meluas, lebih fleksibel dari segi masa, tempat dan pedagogi Nunen (1996).

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kerajaan mahu melihat seluruh rakyat termasuk di luar Bandar mendapat manfaat daripada kemudahan ICT melalui pengembangan projek MSC. Maka pengumuman untuk menaiktarafkan semua sekolah di seluruh negara menjadi sekolah bestari adalah satu langkah yang paling tepat dalam menghubungkan MSC dan rakyat ( Utusan Malaysia, 1 September 2004). Justeru itu Kementerian Pelajaran Malaysia telah meluluskan penggunaan perisian komputer ASSETBase dalam kurikulum mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi meningkatkan mutu pendidikan melalui penggunaan ICT di kalangan guru dan para pelajar.

Proses pembekalan perisian komputer ASSETBase bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk 1 300 buah sekolah menengah teknik dan sekolah menengah akademik seluruh negara sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran dimulakan pada 15 Ogos 2005. Pelaksanaan program ini dijalankan setelah mendapat kelulusan daripada Menteri Pelajaran Malaysia Hishammuddin (2005). Maka dapat kita lihat hasrat kerajaan agar semua rakyat Malaysia mengetahui penggunaan ICT dan mendapat manfaat daripadanya secara tidak langsung.

Walaupun kini guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan telah pun dibekalkan Perisian ASSETBase di sekolah, guru-guru masih mengamalkan amalan pengajaran secara tradisional. Ini kerana guru-guru masih tidak bersedia dari aspek sikap, kemahiran dan penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, menurut Asmi (2000) bahawa dalam melaksanakan sistem pendidikan sekolah bestari sumber manusia iaitu guru perlu dilengkapi

dengan kemahiran yang tertentu yang membolehkan individu berkenaan menyumbang kepada perkembangan sekolah khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Justeru itu, apa yang ingin dikupas ialah Pengaplikasian Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan dengan berbantuan komputer. Kesediaan ini termasuk aspek sikap guru terhadap komputer dan perisian, pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan penggunaan komputer dan bentuk pengaplikasian perisian dalam pengajaran dan pembelajaran oleh mereka.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Sekolah yang telah menerima bekalan Perisian ASSETBase dari Kementerian Pelajaran Malaysia dibekalkan bersama buku-buku dan bahan-bahan sokongan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan Perisian ASSETBase. Guru-guru Prinsip Perakaunan pula telah dikursuskan berkaitan pengaplikasian perisian tersebut.

Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan merupakan mata pelajaran elektif, pihak sekolah boleh memilih untuk menawarkan mata pelajaran ini atau tidak kepada murid-muridnya. Walaupun penggunaan komputer tidak termasuk dalam sukatan pelajaran, namun apabila pihak kerajaan telah membekalkan Perisian ASSETBase ke sekolah-sekolah terpilih yang menawarkan mata pelajaran Prinsip Perakaunan, adalah menjadi tanggungjawab guru-guru untuk mengaplikasikan perisian ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka dengan berbantuan komputer.

Kesungguhan pihak kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia membekalkan Perisian ASSETBase mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi membolehkan guru-guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih

cepat, ceria dan berkonsepkan pembelajaran berpusatkan murid akan lebih cepat dapat dicapai. Secara tidak langsung murid-murid dapat menguasai mata pelajaran ini dengan lebih cepat lagi. Persoalan yang timbul, adakah guru-guru telah mengaplikasikan sepenuhnya perisian ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka . Adakah guru-guru Prinsip Perakaunan bersedia menghadapi perubahan ini.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik akan meninjau pengaplikasian perisian ASSETBase dalam pengajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan berasaskan tahap pengetahuan guru terhadap pengaplikasian perisian ASSETBase, masalah yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran dan kesanggupan guru-guru untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- ii. Mengenal pasti tahap masalah yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- iii. Mengenal pasti tahap kesanggupan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran

- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan masalah guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran mengikut jantina.

### **1.5 Persoalan Kajian**

- i. Apakah tahap pengetahuan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran ?
- ii. Apakah tahap masalah yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSEBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran ?
- iii. Apakah tahap kesanggupan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran ?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan masalah guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran mengikut jantina.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa kepentingan tertentu khususnya kepada pihak yang terlibat dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan antaranya ialah: